BULETIN Senggara Fasiliti Jalan

MAC 2008 Suku Tahunan Bil. 1 JKR 20412-0004-08

Pengurusan trafik di tapak bina

Cawangan Senggara Fasiliti Jalan - Peranan & Fungsi

Pengurusan Bencana

MARRIS On-Line

Surface Regularity

Crumb Rubber Modified Bitumen

Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur.

Kata-Kata Aluan

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah di atas penerbitan Buletin Senggara Fasiliti Jalan ini yang julung kali diterbitkan oleh Cawangan Senggara Fasiliti Jalan. Saya melihat penerbitan Buletin ini adalah bagi menyebarkan maklumat, memberi pengetahuan tambahan dalam bidang penyenggaraan jalan, sebagai sumber informasi dan bagi memaparkan aktiviti Cawangan ini dalam pengurusan aset fasiliti jalan khususnya kepada semua warga JKR.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengutarakan isu pengurusan aset fasiliti jalan. Saya berpendapat kita seharusnya menggunakan pendekatan baru dalam cara kita mengamalkan pengurusan aset tersebut. Apa yang saya maksudkan di sini ialah kita seharusnya perlu mengenal pasti hasil dan impak pengurusan aset yang diamalkan. Proses dan mekanisma yang lengkap perlu disediakan. Selaras dengan ini, Cawangan ini telah pun menyediakan *Standard Operating Procedure* bagi pengurusan aset fasiliti jalan. Di samping itu, Cawangan ini juga sedang dalam proses menyediakan Manual Senggara, mengkaji semula Arahan Teknik berkenaan lampu isyarat, perabut jalan dan sebagainya. Dalam hal ini juga, kita perlu sentiasa menerapkan aspek kualiti dalam kerja penyenggaraan rutin dan berkala. Kita tidak seharusnya lupa bagi memberi tumpuan kepada 'SLRi' iaitu sampah, longkang, rumput dan *inspection*. Saya percaya kesemua ini boleh tercapai dengan menyediakan 'Exception Report' ke atas aset fasiliti dalam koridor jalan.

Bagi memastikan prinsip pengurusan aset dicapai, konsep pengurusan projek telah diterapkan dalam penyenggaraan aset fasiliti jalan, meliputi *Initiation, Planning, Execution, Monitoring & Control, Evaluation* dan *Feedback*.

Menyentuh tema bagi penerbitan Buletin kali ini iaitu Pengurusan Trafik Di Tapak Bina, saya berpendapat selaku *Custodian of Roads*, adalah menjadi tanggungjawab Cawangan ini bagi memastikan rangkaian jalanraya di negara ini sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa. Ini termasuk aspek keselamatan ke atas pengguna jalanraya dan juga pekerja semasa berada di tapak bina. Melalui pelaksanaan audit secara berterusan ke atas Pelan Pengurusan Trafik di tapak bina, saya percaya kita dapat mengenal pasti kelemahan dan menyarankan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Budaya keselamatan sewajarnya dipupuk dan tidak boleh dipandang remeh.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar Buletin ini dapat memberi manfaat kepada tuan-tuan semua. Selamat membaca.

Ir. Dr. SAFRY KAMAL HJ. AHMAD
Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Ibu Pejabat JKR Malaysia

Isi Kandungan

Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Peranan & Fungsi

Pengenalan

Selaku "Pemilik Jalanraya" (*Road Custody*), objektif utama Cawangan adalah untuk memastikan fasiliti jalan dalam koridor jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan andal (*reliable*). Rangkaian jalan perlu disenggara bagi mengoptimakan kos masa perjalanan (*time costs*) dan kos kendalian kenderaan (*vehicle operating costs*). Bagi merealisasi dan mencapai objektif strategi utama Cawangan agar lebih kos efektif, amalan pengurusan aset yang menyeluruh (*total asset management practices*) telah diwujudkan.

Pengurusan aset memerlukan maklumat yang tepat dan dikemaskini berhubung dengan prestasi, keperluan dan kapasiti struktur semua infrastruktur jalan dan jambatan termasuk semua aset yang berada dalam koridor jalan. Ini bermakna keadaan jalan dan struktur dari segi keselamatan hendaklah dipastikan; pengurusan trafik yang sempurna semasa pelaksanaan projek menaiktaraf jalan dan "*structural integrity*" cerun sentiasa dalam keadaan terbaik tanpa berlaku sebarang kemungkinan yang boleh menghalang perjalanan pengguna jalanraya.

Kajian dan pemeriksaan yang kerap bermula daripada proses pembinaan sehinggalah kepada penyerahan dan seterusnya pentauliahan adalah diperlukan bagi memastikan keadaan serta perkhidmatan secara berterusan dapat diberi oleh fasiliti jalan tersebut. Pengurusan aset merangkumi di antaranya aspek-aspek berikut:

i. Mengambilkira pengurusan maklumat data fizikal geometri jalan, cerun dan jambatan.
ii. Mengambilkira sistem pengurusan pavemen dan jambatan terhadap keadaan fizikal dan menjalankan penilaian teknikal dan ekonomik terhadap aset tersebut.
iii. Menjalankan penyenggaraan secara berkala yang berjadual dan bertindak secara "*responsive*".

Strategi Penyenggaraan

Strategi pengurusan fasiliti jalan memerlukan penubuhan sistem penyenggaraan yang optima bagi menilai polisi penyenggaraan dan kesan-kesan ke atas kerosakan pavemen dan kos penyenggaraan. Penilaian lain mengambilkira isu-isu seperti kos kemalangan jalanraya dan alam sekitar (*vehicle emission*).

Menggunakan prinsip pengurusan aset yang bersepadu, tanggungjawab Cawangan ini adalah untuk melaksanakan pengurusan pendaftaran fasiliti serta menjalankan operasi dan penyenggaraan. Di samping itu, Cawangan ini juga memberi perkhidmatan perundingan penyenggaraan serta meneruskan pembangunan kepakaran kejuruteraan senggara fasiliti jalan. Mengaplikasikan prinsip pengurusan projek, penyenggaraan fasiliti menjalankan akitiviti mengikut kitaran penyenggaraan jalan yang ditunjukkan di Rajah 1.0. Ianya meliputi perkara berikut:

i. ***Initiation***: Peringkat ini bermula dengan penetapan polisi penyenggaraan; penyediaan maklumat dan inventori jalan.
ii. ***Planning***: Kewangan yang mencukupi melalui sistem dan proses keutamaan (*prioritisation*), penetapan piawaian dan prosedur.
iii. ***Execution***: Menetapkan program dan melaksanakan kerja penyenggaraan secara berkala dan "*responsive*", menetapkan piawaian dan prosedur untuk diamalkan.
iv. ***Monitoring & Control***: Mengadakan sistem dan mekanisma makluman melalui laporan bulanan dan setiap suku tahun dan pengauditan.
v. ***Evaluation***: Melakukan pemantauan dan penilaian.

Rajah 1.0: Kitaran penyenggaraan jalan.

Pengurusan Pentadbiran & Kewangan

Peranan unit ini adalah merangka dan menggubal polisi-polisi pentadbiran dan kewangan Jalan Persekutuan termasuk mengawal perbelanjaan Belanja Mengurus B27 bagi Jalan Persekutuan seluruh negara.

Peranan ini termasuklah yang dilaksanakan program penyenggaraan yang efektif bagi 22 program penyenggaraan yang berjumlah RM120 juta yang dilaksana oleh JKR Negeri dan Daerah. Melaksanakan program penyenggaraan rutin ke atas 12,000 km Jalan Persekutuan yang berjumlah RM320 juta oleh tiga syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dilantik, serta program pemulihan jalan berjumlah 600 km dengan nilai kos RM508 juta (lihat Jadual 1.0).

Peranan & Fungsi

BIL	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1	KONSESI	333,804,021.00
2	PROGRAM KHAS JKR NEGERI	114,000,000.00
3	PROGRAM KHAS IP	10,100,000.00
4	PROGRAM KHAS	1,895,979.00

Jadual 1.0: Pembahagian peruntukan tahunan penyenggaraan.

Fokus komponen penyenggaraan tahun 2008 adalah pelaksanaan beberapa program berikut di samping program yang lazim dilaksanakan:

i. Program mengecat garisan jalan.
ii. Program penambaikan papan tanda bagi Negeri Selangor dan beberapa Jalan Utama Persekutuan.
iii. Program menaiktaraf longkang dan sistem pejaritan.
iv. Program menaiktaraf penghadang jalan.

Pewartaan & Pembangunan Tepi Jalan

Unit ini bertanggungjawab mengkaji dan meluluskan permohonan Tanah Kerajaan Dalam Rezab Jalan (kawasan pembangunan), pemasangan paparan iklan dan papan tanda di Jalan Persekutuan. Di samping itu, Unit ini berperanan membuat penilaian dan memberi khidmat nasihat kepada Perbendaharaan berkaitan dengan Geran Jalan Negeri *(State Road Grant)* melalui sistem MARRIS.

Laporan Tahunan Statistik Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri bagi seluruh Malaysia disediakan secara tahunan oleh Unit ini. Unit ini turut memberi nasihat berkaitan semua aduan yang diterima dari akhbar, orang awam atau pengurusan atasan JKR dan membuat siasatan ke atas perkara yang bersangkutan dengan aset yang berada dalam koridor jalan.

Peranan Unit ini turut meliputi pemantauan ke atas pemprosesan dokumen pewartaan Jalan Persekutuan di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959, di samping memberi nasihat mengenai pengemaskinian dan penyediaan kertas polisi yang bersangkutan dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 di bawah Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) dan memproses permohonan Perintah Had Laju Tempatan (Jalan Persekutuan) serta Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) berkaitan penutupan jalan dan kelonggan sementara.

Unit ini juga adalah Pengurus Bilik Bencana di peringkat Ibu Pejabat JKR dan berkait rapat dengan Majlis Keselamatan Negara yang menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat.

Kejuruteraan Penilaian & Pemulihan Jalanraya

Unit ini membuat keputusan berkaitan dengan pengurusan dan penyenggaraan Jalan Persekutuan sepanjang 16,500 kilometer menerusi Kontrak Jangka Panjang yang dilaksana oleh tiga syarikat konsesi serta program di luar skop konsesi yang dilaksana oleh JKR Negeri. Ianya termasuk penentuan piawaian, kualiti, prosedur serta pengagihan peruntukan.

Unit ini juga berperanan memberi khidmat nasihat kepada JKR Negeri dan lain-lain agensi kerajaan berhubung dengan penyenggaraan jalan serta memimpin, merancang dan memantau pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan jalan menggunakan teknologi baru. Program-program khusus seperti mengurus dan memantau pelaksanaan program merawat lokasi berbahaya dengan kaedah rawatan kos rendah, penambahbaikan sistem papan tanda arah dan destinasi, dan program mengaudit Pelan Pengurusan Trafik di tapak projek jalan yang dilaksanakan oleh Cawangan Jalan.

Unit ini juga menyediakan maklumbalas kepada pelbagai jawatankuasa luar jabatan mengenai beberapa isu yang bersangkutan dengan penyenggaraan:

i. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negara mengenai Pemantauan Projek RMK - 9 (isu penyeragaman papan tanda).
ii. Mesyuarat Jawatankuasa Mengenai Tindakan Keselamatan Jalan di peringkat KSN.
iii. Mesyuarat Bersama Jabatan mengenai isu Pengauditan Papan Tanda.
iv. Maklumbalas Jawatankuasa Kabinet dan Pos - Kabinet.

Di samping itu, Unit ini juga menjalankan kajian bagi tujuan pembangunan dan penyelidikan pavemen jalan untuk pembangunan lestari industri jalan dan kemalangan jalanraya. Unit ini giat melaksanakan beberapa kaedah rawatan seperti CIPR, HIPR, SMA dan sebagainya.

Unit ini telah mewujudkan Jawatankuasa Perantaraan Perindustrian Jalan (Road Industry Interfacing Committee-RIIC) yang berfungsi sebagai penganara di kalangan persatuan-persatuan, syarikat-syarikat serta individu yang terlibat dalam perindustrian jalan.

Pengurusan Pavemen Jalan (RAMS)

Sejajar dengan polisi Jabatan untuk menambahbaik sistem penyampaian, Unit ini telah mengambil tindakan dan inisiatif untuk menubuh sistem pengurusan pavemen dan jambatan. Sistem Pengurusan Aset Jalan telah dibentuk menerusi perisian RAMS-DB/HDM-4 bagi mengenalpasti kerosakan jalan dan menentukan kaedah pembaikan pada Jalanraya Persekutuan secara optima melalui justifikasi teknikal dan ekonomik.

Ianya adalah sistem pengurusan pavemen bagi Jalan Persekutuan secara tahap rangkaian dan analisis projek. Kajian penambahbaikan yang dijalankan telah menghasilkan RAMS (Road Asset Management System) iaitu merangkumi pengkalan data dan inventori jalan dalam format *"Dbase Microsoft Access"* dan HDM-4 sebagai *tool* untuk menjalankan analisis dan penyediaan laporan. Model proses kitaran jangka hayat *(life-cycle modeling)* untuk sesuatu *link* dalam rangkaian jalanraya merangkumi perkara berikut:

i) *"Pavement deterioration model"*.
ii) *"Road user costs analysis"*.
iii) *"Maintenance strategy and optimisation"*.
iv) *"Prioritised Ranking"*.

Struktur Operasi *Road Asset Management System*

HDM-4 meliputi bidang yang luas terdiri dari aspek-aspek perspektif teknikal dan pengurusan. Ianya merangkumi penilaian ke atas model pavemen, kesan kesesakan trafik, keselamatan, *energy* dan *vehicle emissions*, selain dari model

bagi anggaran kos kendalian kenderaan, *road deterioration*, serta kesan kerja pemulihan jalan.

Output adalah dari segi *network level strategy* dan *program analysis*, di samping menjalankan analisis projek.

Strategi Pengutipan Data

Data diperlukan bagi pembentukan sesuatu model untuk meramal keadaan kelakuan (*behavioural condition*) pavemen jalan, termasuk bagi tujuan kalibrasi model yang dihasilkan. Jumlah data yang kecil mengakibatkan model yang dibentuk tidak mempunyai hubungkait yang signifikan dan tidak menggambarkan ciri dan kelakuan yang tepat prestasi pavemen jalan. Manakala jumlah data yang besar akan memerlukan sejumlah kewangan yang amat besar. Secara kasarnya bajet untuk program pengutipan data adalah dalam lingkungan 1.0 - 1.5 peratus bajet penyenggaraan tahunan.

Pengutipan data yang dilaksanakan ke atas Jalan Persekutuan adalah satu pertiga daripada 17,500 km setiap tahun menggunakan peralatan yang sofistikated dikenali sebagai *high speed profilometer* atau *road scanner*. Data pavemen diperolehi dalam segmen setiap 1 km seksyen secara kitaran tiga tahun dan dibahagikan kepada tiga zon:

i) Negeri-negeri utara iaitu Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor.
ii) Negeri-negeri selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak dan Labuan.
iii) Negeri-negeri di pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Alat *profilometer* kelajuan tinggi mengutip maklumat seperti *"rut depth"*, *"texture depth"*, *"roughness"*, *"cracks"*, *"potholes"*, *"profiles longitudinal"* dan *"road alignment"* serta mencerap ukuran pada satu masa menggunakan alat perakam video dan melalui sistem sensors, seperti *"inclinometer"* dan *"transducers"*.

Keadaan struktur pavemen diperolehi menggunakan FWD (*falling weight deflectometer*). Ketebalan pavemen dikenalpasti menggunakan *"Dynamic Cone Penetration"* untuk mendapatkan *"Subgrade modulus"*. Bancian had beban gandar diguna untuk memantau peningkatan bilangan gandar bagi mendapatkan faktor kerosakan pavemen bagi sesuatu tempuh.

Maklumat yang diperolehi dipopulasikan ke dalam sistem RAMS/HDM4 untuk mendapatkan keadaan keseluruhan Jalan Persekutuan. Parameter seperti *"roughness"*, *"cracking"*, *"rut depth"*, dan *"texture depth"* dianalisis dan dilaporkan sebagai purata keadaan rangkaian jalanraya.

Pengurusan & Pemulihan Jambatan

Unit ini memantau supaya semua jambatan disenggara dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan. Pengurusan pengkalan data JKR-BMS dikendalikan supaya maklumat stok jambatan sentiasa dikumpul, direkod dan dikemaskini selaras dengan pelaksanaan program penyenggaraan secara sistematik.

Unit ini menjadi penasihat kepada Urusetia Penganjur Kursus tahunan mengenai teknik pemeriksaan, penyenggaraan dan kaedah baikpulih jambatan kepada JKR Negeri dan Daerah yang dilakukan pada bulan Jun / Julai setiap tahun.

Pemantauan dilakukan dengan melakukan pemeriksaan pengesahan ke atas jambatan yang diperiksa dan yang dilaporkan rosak dengan kategori *condition rating* 4 atau 5 oleh JKR Daerah mengikut Program Pemeriksaan Mandatori Tahunan Jambatan.

Pemeriksaan jambatan dijalankan untuk menyedia anggaran kos, skop kerja serta pengesyoran cadangan penyenggaraan, menaiktaraf, pelebaran, penggantian jambatan dan sebagainya. Pemeriksaan terperinci ke atas jambatan yang rosak kritikal/luarbiasa, bencana banjir, kecemasan dan penilaian struktur jambatan sentiasa dilakukan.

Unit ini memimpin kajian jambatan dari masa ke semasa termasuk penggunaan aplikasi/kaedah bahan-bahan dan teknik-teknik penyenggaraan jambatan. Di samping itu, khidmat nasihat dan panduan teknikal diberi kepada JKR Daerah/Negeri dan lain-lain agensi mengenai penyenggaraan jambatan.

Unit ini juga melaksanakan pemeriksaan jambatan bagi tujuan penyerahan projek jambatan, jejantas dan jejambat yang siap dibina dan menyimpan semua rekod inventori, lukisan *as-built* dan jaminan produk yang diterima dari Pegawai Penguasa projek-projek berkenaan.

Pemantauan pelaksanaan projek jejantas dan juga projek menggantikan jambatan rosak akibat bencana banjir adalah di bawah pengendalian Unit ini.

Perkhidmatan Mekanikal

Unit ini memastikan penyenggaraan kenderaan-kenderaan Jabatan di bawah kawalannya berada dalam keadaan baik dan memberi khidmat nasihat bagi penyenggaraan peralatan mekanikal pada rangkaian Jalan Persekutuan termasuk perkhidmatan Feri Pengkalan Kuboc.

Perkhidmatan Elektrikal

Di antara fungsi utama Unit ini adalah memastikan kerja penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat dilaksana berteraskan spesifikasi piawai yang ditetapkan secara berterusan demi keselamatan dan kesetesaan pengguna jalanraya. Maklumat dan data seperti pemasangan sedia ada, pemasangan projek baru dan aduan kerosakan dikumpul, di samping memberikan khidmat kepakaran teknikal untuk pemasangan elektrik bagi sistem lampu jalan dan lampu isyarat.

Pengumpulan data maklumat mengenai inventori lampu jalan dan bilangan lampu isyarat persimpangan dilakukan dari masa ke semasa supaya perancangan dapat dibuat bagi menyediakan program tahunan penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat. Mekanisma dibentuk supaya laporan mengenai kerosakan lampu jalan dan lampu isyarat sampai ke

Ibu Pejabat bagi membolehkan tindakan diambil untuk membaiki kerosakan ke atas aset tersebut.

Pengurusan Penyenggaraan Jalanraya (Zon Utara, Tengah/Timur & Selatan)

Bagi menyelaras keperluan penyenggaraan - mengikut perjanjian konsesi Jalan Persekutuan dan di luar skop konsesi di antara JKR Negeri dan JKR Daerah, Unit Pengurusan Penyenggaran Jalan peringkat zon telah ditubuhkan di bawah pentadbiran Cawangan Senggara Fasiliti Jalan.

Unit ini dipertanggungjawab untuk memantau kerja senggara rutin, kerja berkala pavemen, berkala bukan pavemen dan kerja kecemasan di bawah program Kontrak Jangka Panjang Penyelenggaraan Jalan Persekutuan termasuk memperaku bayaran ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan oleh tiga syarikat konsesi mengikut pecahan zon. Ini termasuk memantau penyelarasan aduan mengenai penyenggaraan Jalan Persekutuan dan aduan kerosakan.

Kejuruteraan Geoinformatik

Tanggungjawab Unit Kejuruteraan Geoinformatik adalah untuk merancang, membangun, melaksana dan menyenggara Sistem Maklumat Geografik (GIS) bagi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri berserta aset jalan iaitu jambatan, papan tanda dan "km posts" dalam digital untuk digunakan dalam pengurusan inventori dan analisa penyenggaraan jalan dan aset jalan, perancangan dan penentuan jajaran jalan baru, penerbitan peta jalan JKR (*hardcopy*), pemetaan rangkaian jalan JKR di Semenanjung Malaysia dan Labuan, pemetaan lokasi kemalangan, lokasi banjir, lokasi projek jalan, lokasi jalan yang diwartakan dan memproses penilaian maklumat pembangunan tepi jalan.

Unit ini juga bertanggungjawab mengurus maklumat imej satelit, cerapan maklumat jalan dan aset jalan menggunakan peralatan *'Global Positioning System'* (GPS), maklumat digital lot tanah, maklumat peta topo di mana maklumat ini digunakan oleh perekabentuk jalan, Cawangan Jalan.

JKR telah diiantik sebagai *data custodian* dan *lead agency* (Agensi Tunjak) bagi maklumat jalan dan aset jalan dan jambatan melalui Pekeliling 1/97 dan *Malaysia Centre Geospatial Data Infrastructure* (MaCGDI) di bawah Kementerian Sumber Asli telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan maklumat Geospatial (iaitu maklumat yang mempunyai koordinat) di peringkat kebangsaan.

JKR juga telah dikenalpasti sebagai data *custodian* untuk maklumat geoteknik dan bangunan. Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) membekal data digital rangkaian jalan dan aset jalan / jambatan / geoteknik kepada MaCGDI bagi tujuan pembangunan data *geospatial* di peringkat nasional.

CSFJ bertanggungjawab menyimpan dan mengurus maklumat *as-built drawing* semua projek-projek jalan JKR untuk tujuan penyenggaraan. Maklumat *as-built drawing* adalah dalam bentuk digital dan mempunyai koordinat (x, y, z) bagi setiap aset dalam lukisan tersebut. Dengan menggunakan sistem maklumat geografi, maklumat lukisan ini digunakan dalam pengurusan inventori asset dan penyenggaraan dan ia adalah lebih efisyen, ekonomikal, berkualiti (kerana maklumat diukurhalus oleh jurukur bertauliah), lebih selamat (simpan dalam server/CD/DVD), mudah dicapai dan menjimatkan masa.

Produk Sistem Maklumat Geografi (GIS)

Pembangunan Laman Web Cawangan Senggara Fasiliti Jalan



Unit Kejuruteraan Geoinformatik (GIS) telah membangunkan Laman Web Cawangan Senggara Fasiliti Jalan. Sila layari http://rakanI.jkr.gov.my/csfj.

Aplikasi GIS dalam Laman Web Bencana Alam

Laman Web Bencana Alam atau e-Bencana Alam telah menggunakan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk memaparkan lokasi berlaku bencana seperti tanah runtuh, kawasan banjir dan laluan alternatif berlatarbelakang maklumat *Google Map*.

Laman e-Bencana Alam.



Laluan alternatif (bertanda merah) semasa berlaku sesuatu bencana ditandakan di Google Map oleh pegawai JKR yang bertugas.



Lokasi tanah runtuh dipaparkan di Google Map (pilih Hybrid untuk lihat imej satelit).

Pembangunan Aplikasi GIS di Cawangan Senggara Fasiliti Jalan

Paparan maklumat spatial (berkordinat x,y) menggunakan web-based GIS. Negeri Selangor telah dijadikan perintis untuk paparan maklumat.

A. Maklumat yang dipaparkan ialah:
http://172.20.1.226/Road_Furniture/default.aspx (Editing online)
http://172.20.1.226/Selangor/default.aspx (view sahaja)

a. Rangkaian Jalan Utama Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri Semenanjung Malaysia.
b. Papan Tanda, Km Posts dan Jambatan Jalan Persekutuan.
c. Lampu Jalan/Trafik Jalan Negeri.
d. Penghadang Jalan dan Longkang Jalan Negeri.

B. Maklumat yang boleh dikemaskini secara 'online'(anggota GIS sahaja) ialah:

a. Maklumat Borehole http://172.20.1.226/geoteknik/default.aspx
b. Blackspot http://172.20.1.226/accident/default.aspx
c. Lokasi Banjir http://172.20.1.226/Flood/default.aspx
d. Lokasi Jalan (Pewartaan) http://172.20.1.226 Road_Gazette/default.aspx
e. Lokasi PTJ http://172.20.1.226/Road_Site_Development/default.aspx

Kawalan trafik di tapak bina

By Ir. Mohd Hizam Harun & Jazlina Nor Sarif

Menurut Arahan Teknik (Jalan) 2C/85, kerja-kerja yang bersifat sementara seperti pembinaan dan penyenggaraan jalan menyediakan persekitaran jalan yang berbeza dari kebiasaannya di mana pengguna jalanraya akan berdepan dengan keadaan trafik yang tidak dijangka. Ini bukan sahaja boleh membahayakan pengguna jalanraya malah pekerja itu sendiri sekiranya langkah-langkah keselamatan tidak diambil. Penggunaan papan tanda sementara di 'zon kawalan trafik' adalah satu kemestian bagi memaklumkan kepada pengguna jalanraya mengenai sebarang kemungkinan yang akan dihadapi semasa kerja – kerja pembinaan atau penyenggaraan jalan sedang dilaksanakan. Papan tanda sementara sewajarnya diletakkan di lokasi tertentu di mana ia dapat memaparkan maklumat dengan berkesan dan memberi masa yang secukupnya kepada pengguna jalanraya untuk bertindak dengan sewajarnya. Zon kawalan trafik terletak di antara papan tanda amaran yang pertama sehingga ke lokasi di mana trafik tidak lagi terganggu oleh aktiviti kerja. Peralatan yang biasa digunakan bagi mengawal pergerakan trafik ialah papan tanda, kon keselamatan, *barrier, delineator* dan sebagainya.

Berikut disenaraikan peringatan penting semasa merancang, melaksana dan menyelenggara zon kawalan trafik:

1. Utamakan keselamatan. Gunakan kawalan yang sewajarnya bagi memastikan pengguna jalanraya dan pekerja sentiasa selamat.
2. Papan tanda mesti dapat dilihat dengan jelas bagi membolehkan pengguna jalanraya mematuhinya. Besarkan papan tanda atau letakkan di tempat yang lebih tinggi supaya ia mudah dilihat.
3. Pekakas yang lebih besar dan tinggi lebih mudah dilihat.
4. Panjangkan lagi zon amaran di laluan yang ada lengkongan, berbukit atau halangan lain, serta di laluan di mana trafik adalah padat dan berkelajuan tinggi.
5. Sediakan ruang 'butter' sebagai perlindungan tambahan kepada trafik dan pekerja.
6. Peringatkan pengguna jalanraya supaya sentiasa berwaspada semasa melalui zon kerja yang panjang.
7. Pekakas keselamatan bagi membentuk lorong trafik seharusnya dari jenis yang boleh pecah atau terbalik sekiranya dilanggar.
8. Semua pekakas keselamatan seharusnya dari jenis yang boleh memantul cahaya.
9. Penanda yang mengelirukan di atas permukaan jalan perlu dipadamkan.
10. Sekiranya lampu amaran digunakan, lampu yang tidak berkelip seharusnya digunakan sebagai penanda lorong trafik sementara lampu yang berkelip digunakan sebagai tanda amaran.
11. Pekakas keselamatan perlu sentiasa diperiksa. Sekiranya rosak atau hilang, ia perlu dibaiki atau diganti. Semua pekakas perlu sentiasa bersih.
12. Rekod yang tepat perlu disimpan. Sekiranya berlaku kemalangan, catitkan sebarang pekakas keselamatan yang terlibat dan pekakas apa yang digunakan sebelum dan selepas kemalangan.
13. Jangan kelirukan pengguna jalanraya. Mana-mana papan tanda atau pekakas keselamatan yang tidak diperlukan seharusnya dikeluarkan atau ditutup.

Pelaksanaan Audit Pelan Pengurusan Trafik di Tapak Bina oleh Cawangan Senggara Fasiliti Jalan

Tujuan

Menjalankan audit ke atas pelaksanaan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) berdasarkan pelan yang diluluskan oleh S.O.

Perancangan

- Menjalankan audit ke atas empat (4) projek jalan setiap bulan.
- Menjalankan audit susulan ke atas dua (2) projek jalan setiap bulan.
- Mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama semua cawangan-cawangan yang terlibat pada minggu pertama setiap bulan, di bawah penyeliaan Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ).

Kaedah Pelaksanaan

- Memeriksa tapak pembinaan dengan merujuk pada TMP yang diluluskan.
- Menemubual S.O./ HOPT, Perunding dan Kontraktor.

Penglibatan

CSFJ, Cawangan Sistem Pengurusan Bersepadu, Cawangan Jalan dan Cawangan Kej. Jalan & Geoteknik.

Laporan Audit

Disediakan selewat-lewatnya pada minggu pertama setiap bulan.

- Laporan audit disediakan oleh pasukan audit yang terlibat dan dihantar oleh Unit Polisi CSFJ kepada S.O./HOPT.
- Ringkasan eksekutif disediakan oleh Unit Polisi CSFJ dan dihantar kepada Majlis Pengurusan Tertinggi, KSU dan Pengarah-Pengarah JKR Negeri.

Tindakan Susulan

- Menjalankan audit susulan ke atas projek yang sama secara terpilih bagi memastikan tindakan penambahbaikan telah diambil oleh S.O./HOPT berdasarkan pada cadangan yang dikemukakan oleh pasukan audit.
- Mengedar ringkasan eksekutif laporan audit kepada semua Pengarah JKR Negeri bagi mengambil iktibar dan memastikan ketidakpatuhan yang serupa tidak berulang di projek-projek di bawah pengawasan mereka.

Ringkasan Eksekutif Laporan Audit Pelan Pengurusan Trafik (Januari 2008)

Tujuan Menjalankankan audit ke atas pelaksanaan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) berdasarkan pelan yang diluluskan oleh S.O.

Projek Audit Pelan Pengurusan Trafik telah dijalankan ke atas 12 projek. Senarai projek adalah seperti di lampiran A.

Kaedah Audit
*Pengauditan Pelan Pengurusan Trafik telah dijalankan oleh 13 orang jurutera dari Unit Polisi dan Unit Pengurusan Penyelenggaraan Jalan, Cawangan Senggara Fasiliti Jalan.
*Kaedah-kaedah yang telah dijalankan ialah;
- Memeriksa tapak pembinaan dengan merujuk pada TMP yang diluluskan.
- Menemubual S.O./ HOPT, Perunding dan kontraktor.

Hasil Kajian *Tahap Pematuhan setiap projek (Seperti Lampiran A)

TAHAP PEMATUHAN	% PEMATUHAN
Maksimum	92.7
Minimum	34.5
Purata	64.0

*Pasukan audit mengisi borang soal-selidik yang mempunyai 8 komponen. Berikut adalah hasil analisa bagi setiap komponen yang mengikut kepada borang soal-selidik untuk 12 buah projek :

Cadangan
*HOPT melaksanakan 'Performance Audit' setiap minggu dan menghantar laporan kepada S.O dan Cawangan Senggara Fasiliti Jalan.
*Mendirikan papan tanda di tapak pembinaan yang mempamerkan maklumat Pengurus Projek seperti nombor telefon bagi memudahkan pengguna jalanraya untuk menyalurkan sebarang aduan dengan segera.
*Menghantar Pelan Pengurusan Projek kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya.
*Mendaftar setiap projek pembinaan jalan dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Tindakan
*Menghantar 'Laporan Audit Pelan Pengurusan Trafik' kepada HOPT/ S.O.
*Meminta maklumbalas mengenai tindakan susulan ke atas sebarang ketidakpatuhan daripada HOPT/S.O.
*Salinan laporan akan dihantar kepada semua Pengarah JKR Negeri sebagai ikhtibar supaya TMP di projek-projek di setiap negeri dapat dipertingkatkan. Pada masa yang sama Pengarah-Pengarah JKR Negeri diminta untuk menjalankan audit TMP ke atas projek yang berada di bawah tanggungjawab masing-masing. Sekiranya tidak, CSFJ akan menjalankan audit tersebut.

Pengurusan Trafik

BIL	ITEM	BIL. PROJEK	
		PATUH	TIDAK PATUH
A	**SISTEM PENGURUSAN TRAFIK**		
	i) 'Traffic Safety Officer' dilantik.	11	1
	ii) Lukisan Pelan Pengurusan Trafik disediakan dan diluluskan oleh S.O.	7	5
	iii) Pelan Pengurusan trafik mengandungi tempoh pelaksanaan mengikut kerja semasa.	6	6
	iv) 'Traffic Management Safety Report' disediakan setiap 3 bulan.	10	2
	v) Audit Keselamatan jalan dilaksanakan.	7	5
B	**PAPAN TANDA**		
	i) 'Prismatic Grade'	7	5
	ii) Mencukupi.	1	11
	iii) Diselenggara.	7	5
	iv) Tidak mengelirukan.	6	6
C	**BARRIER**		
	i) 'Concrete barrier' di kawasan kerja yang mempunyai 'heavy machineries'.	4	6
	ii) 'Concrete barrier' di kawasan kerja dan laluan kenderaan dengan perbezaan aras lebih 1m.	5	4
	iii) 'Plastic barrier' secara 'interlock' di kawasan kerja dan laluan kenderaan dengan perbezaan aras kurang 1m.	4	7
	iv) 'Plastic barrier' berjarak di kawasan tiada aktiviti kerja.	11	1
	v) Teratur/kemas.	5	7
	iv) Diisi air/pasir.	6	6
D	**KERATAN RENTAS JALAN**		
	i) Lebar mencukupi (min. 3.00m).	11	0
	ii) Jumlah lorong sediaada dikekalkan.	11	0
E	**DELINEATION**		
	i) 'Blinker' mencukupi	8	4
	ii) 'String Delineator' mencukupi.	6	6
F	**JALAN SEMENTARA**		
	i) Diturap dan berkeadaan baik.	3	1
	ii) Tanda jalan dipasang	3	6
G	**LAIN-LAIN**		
	i) Jalan sediaada diselenggara dengan baik.	6	5
	ii) 'Flagmen' disediakan.	10	0
	iii) Keadaan tapak bersih/kemas	8	3
	vi) 'Advance warning area' mencukupi.	4	8
	v) 'Transition' & 'buffer area' disediakan.	5	4
	iv) 'Termination area' disediakan.	5	4
	iiv) Lampu jalan.	4	1
H	**KESELAMATAN PARA PEKERJA**		
	i) Baju/jaket keselamatan dipakai.	8	3
	ii) Topi keselamatan dipakai.	6	5
	iii) Kasut keselamatan dipakai.	10	1

Ringkasan Eksekutif Laporan Audit Pelan Pengurusan Trafik (Februari 2008)

Tujuan Menjalankankan audit ke atas pelaksanaan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) berdasarkan pelan yang diluluskan oleh S.O.

Projek Audit Pelan Pengurusan Trafik telah dijalankan ke atas 12 projek. Senarai projek adalah seperti di lampiran A.

Kaedah Audit

*Pengauditan Pelan Pengurusan Trafik telah dijalankan oleh 11orang jurutera dari Unit Polisi dan Unit Pengurusan Penyelenggaraan Jalan, Cawangan Senggara Fasiliti Jalan.

*Kaedah-kaedah yang telah dijalankan ialah;

- Memeriksa tapak pembinaan dengan merujuk pada TMP yang diluluskan.
- Menemubual S.O./ HOPT, Perunding dan kontraktor.

Hasil Kajian

*Tahap Pematuhan setiap projek (Seperti Lampiran B)

TAHAP PEMATUHAN	% PEMATUHAN
Maksimum	97.5
Minimum	43.9
Purata	**75.15**

*Pasukan audit mengisi borang soal-selidik yang mempunyai 8 komponen. Berikut adalah hasil analisa bagi setiap komponen yang mengikut kepada borang soal-selidik untuk 12 buah projek :

Cadangan

*'Performance Audit' dijalankan oleh HOPT pada setiap minggu dan laporan dihantar kepada S.O dan Cawangan Senggara Fasiliti Jalan.
*Meletakkan papan tanda di tapak pembinaan yang mempamerkan maklumat Pengurus Projek seperti nombor telefon bagi memudahkan pengguna jalanraya untuk membuat aduan dengan segera.
*Menghantar Pelan Pengurusan Projek kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya.
*Mendaftar setiap projek pembinaan jalan dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Tindakan

*Menghantar 'Laporan Audit Pelan Pengurusan Trafik' kepada HOPT/ S.O.
*Meminta maklumbalas mengenai tindakan susulan ke atas sebarang ketidakpatuhan daripada HOPT/S.O.
*Salinanlaporanakan dihantar kepada semua Pengarah JKR Negeri sebagai ikhtibar supaya TMP di projek-projek di setiap negeri dapat dipertingkatkan. Pada masa yang sama Pengarah-Pengarah JKR Negeri diminta untuk menjalankan audit TMP ke atas projek yang berada di bawah tanggungjawab masing-masing. Sekiranya tidak, CSFJ akan menjalankan audit tersebut.

BIL	ITEM	BIL. PROJEK PATUH	BIL. PROJEK TIDAK PATUH
A	**SISTEM PENGURUSAN TRAFIK**		
	i) 'Traffic Safety Officer' dilantik.	3	3
	ii) Lukisan Pelan Pengurusan Trafik disediakan dan diluluskan oleh S.O.	4	3
	iii) Pelan Pengurusan trafik mengandungi tempoh pelaksanaan mengikut kerja semasa.	2	5
	iv) 'Traffic Management Safety Report' disediakan setiap 3 bulan	3	2
	v) Audit Keselamatan jalan dilaksanakan.	3	2
B	**PAPAN TANDA**		
	i) 'Prismatic Grade'	6	1
	ii) Mencukupi.	4	3
	iii) Diselenggara.	5	2
	iv) Tidak mengelirukan.	5	1
C	**BARRIER**		
	i) 'Concrete barrier' di kawasan kerja yang mempunyai 'heavy machineries'	2	2
	ii) 'Concrete barrier' di kawasan kerja dan laluan kenderaan dengan perbezaan aras lebih 1m.	2	2
	iii) 'Plastic barrier' secara 'interlock' di kawasan kerja dan laluan kenderaan dengan perbezaan aras kurang 1m	4	2
	iv) 'Plastic barrier' berjarak di kawasan tiada aktiviti kerja.	6	0
	v) Teratur/kemas.	6	7
	iv) Diisi air/pasir.	4	3
D	**KERATAN RENTAS JALAN**		
	i) Lebar mencukupi (min. 3.00m).	6	0
	ii) Jumlah lorong sediaada dikekalkan.	5	1
E	**DELINEATION**		
	i) 'Blinker' mencukupi.	5	2
	ii) 'String Delineator' mencukupi.	5	2
F	**JALAN SEMENTARA**		
	i) Diturap dan berkeadaan baik.	5	0
	ii) Tanda jalan dipasang	4	1
G	**LAIN-LAIN**		
	i) Jalan sediaada diselenggara dengan baik.	5	2
	ii) 'Flagmen' disediakan.	6	1
	iii) Keadaan tapak bersih/kemas	6	1
	vi) 'Advance warning area' mencukupi.	5	2
	v) 'Transition' & 'buffer area' disediakan.	3	3
	iv) 'Termination area' disediakan.	2	4
	iiv) Lampu jalan.	4	0
H	**KESELAMATAN PARA PEKERJA**		
	i) Baju/jaket keselamatan dipakai.	4	3
	ii) Topi keselamatan dipakai.	3	4
	iii) Kasut keselamatan dipakai.	6	1

Lampiran A

TAHAP PEMATUHAN PELAN PENGURUSAN TRAFIK (Januari 2008)

BIL	PROJEK	NO KONTRAK	TARIKH AUDIT	% KEPATUHAN	RUJUKAN LAPORAN
1	Projek Menaiktaraf Laluan FT175 dari Pekan Gurun Ke Pekan Sik, Kedah.	KKR/JKR/IP/UB/87/2003	13 JANUARI 2008	52.38%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(1)
2	Projek Naiktaraf Laluan 3, km11-km18, Jalan Kuala Terengganu – Kuantan, Marang, Terengganu.	JKR/IP/CKUB/118/2006	21 JANUARI 2008	86.5%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(2)
3	Projek Memperelokkan Jalan Dari Bulatan Sultan Mansor ke Kuala Berang, Terengganu, Pakej 3 Dari Bukit Payong ke Binjai Rendah (km14-km20).	JKR/IP/CKUB/72/2005	21 JANUARI 2008	53.75%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(3)
4	Projek Menaiktaraf Jalan T1/T3 Dari Merang Ke Kuala Besut, Terengganu.	JKR/IP/CKUB/41/2005	21 JANUARI 2008	84.4%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(4)
5	Projek Naiktaraf Laluan Persekutuan 3, km69 –km72, Jalan Kuala Terengganu – Kota Bharu Di Pekan Permaisuri, Terengganu.	JKR/IP/CKUB/30/2006	21 JANUARI 2008	92.7%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(5)
6	Projek Naiktaraf Laluan Persekutuan 3, km-km, Jalan Kuala Terengganu - Kota Bharu, Terengganu.	JKR/IP/CKUB/28/2006	22 JANUARI 2008	73.8%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(6)
7	Projek Menaiktaraf Laluan 3, km 97.4 -km 108, Jalan Kuala Terengganu – Kuantan, Terengganu.	JKR/IP/CKUB/02/2006	22 JANUARI 2008	70.83%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(7)
8	Projek Menaiktaraf/ Menaik Aras Jalan Chukai ke Air Putih. km11-km14, Sungai Pinang, Kemaman, Terengganu.	-	23 JANUARI 2008	27.1%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(8)
9	Ayer Hitam – Kluang, Johor (Fasa 2: Membina Pusingan U, median dan kerja berkaitan)	JKR/IP/CKUB/101/2006	31 JANUARI 2008	73.0%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(9)
10	Projek Menaiktaraf Jalan Jitra melalui Kodiang, Kedah ke Arau, Perlis, Pakej 2 : CH4500 – CH17500	JKR/IP/CKUB/100/2005	30 JANUARI 2008	62.7%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(10)
11	Projek Menaiktaraf Jalan Jitra melalui Kodiang, Kedah ke Arau, Perlis, Pakej 3 : CH17500 – CH21500	JKR/IP/CKUB/159/2005	30 JANUARI 2008	34.5%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(10)
12	Projek Menaiktaraf Jalan Jitra melalui Kodiang, Kedah ke Arau, Perlis, Pakej 4 : CH21500 – CH26881.173	JKR/IP/CKUB/160/2005	30 JANUARI 2008	56.0%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(10)
		PURATA TAHAP PEMATUHAN (%)		64.0%	

Lampiran B

TAHAP PEMATUHAN PELAN PENGURUSAN TRAFIK (Februari 2008)

BIL	PROJEK	NO. KONTRAK	TARIKH AUDIT	% KEPATUHAN	RUJUKAN LAPORAN
1	Naiktaraf Laluan Persekutuan 5 dari Ipoh – Lumut, Perak.	KKR/JKR/IP/UB/24/2004	1 FEBRUARI 2008	76.93%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(10)
2	Projek Menaiktaraf Jalan Gopeng – Siputeh, Pakej 2 : Membina Jalan Baru Batu Gajah By-Pass dan Menaiktaraf Jalan A108, Kinta.	JKR/IP/CJ/10/2006	1 FEBRUARI 2008	43.9%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(10)
3	Projek Menaiktaraf Jalan Johor Bahru – Pasir Gudang (FT017), Johor. (Menaiktaraf Persimpangan Bertingkat Perling)	JKR/IP/CKUB/8/2006	1 FEBRUARI 2008	97.5%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(11)
4	Projek Naiktaraf Jalan Rantau Ke Linggi (N7), Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan – Fasa 1.	JKR/NS/P/PD/013/2007	1 FEBRUARI 2008	73.0%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(12)
5	Projek Naiktaraf Jalan Benta – Jerantut – Maran, Pahang Fasa 3 : dari Simpang Jengka Ke Maran (Pakej 2 : Segmen 4-6A).	JKR/IP/CKUB/120/2006	1 FEBRUARI 2008	82.0%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(13)
6	Bukit Genting, Seksyen 262, Laluan FT02, Daerah Maran, Pahang.	-	1 FEBRUARI 2008	82.0%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(14)
7	Menaiktaraf Jalan dan Jambatan Tg. Gahai, Daerah Lipis, Pahang.	F/PHG/L/DK/1105/2006	4 FEBRUARI 2008	71.0%	JKR/CSFJ/UKPJ/TMP(15)
	PURATA TAHAP PEMATUHAN (%)			75.15%	

Kekurangan papan tanda di kawasan lencongan dan tiada *'advance warning area'* sebelum kawasan lencongan dan pembinaan.

Tidak menggunakan *'plastic barrier'* secara *'interlock'* dan tidak teratur di kawasan kerja menyebabkan laluan kenderaan sempit dan merbahaya

Tidak menggunakan *'plastic barrier'* secara *'interlock'* dan teratur di kawasan kerja dan laluan kenderaan yang mempunyai perbezaan aras kurang dari 1m.

Tidak menggunakan *'plastic barrier'* secara *'interlock'* dikawasan kerja dan laluan kenderaan yang mempunyai perbezaan atas kurang dari 1m.

'String delineator' yang lusuh dan tidak diselenggara atau diganti menyebabkan *'string delineator'* ini tidak efektif pada waktu malam.

Tidak menggunakan *'concrete barrier'* secara *'interlock'* dan teratur di kawasan kerja dan laluan kenderaan yang mempunyai perbezaan aras melebihi 1m.

Laporan bergambar audit pelaksanaan Pelan Pengurusan Trafik di tapak bina

Nota: Nama dan lokasi projek tidak dinyatakan atas sebab-sebab tertentu - Pengarang

Anak panah di atas permukaan jalan yang mengelirukan pemandu kerana sebenarnya dihadapan tiada belok ke kanan.

Tidak menggunakan *'plastic barrier'* secara *'interlock'* di kawasan kerja dan laluan kenderaan yang mempunyai perbezaan aras melebihi 1m

Laluan dua hala dengan *'temporary road line'* yang mengelirukan dan tiada papan tanda yang menunjukkan laluan dua hala.

Tidak menggunakan *'concrete barrier'* secara *'interlock'* di kawasan kerja yang mempunyai *'heavy machinery'*.

Tidak meletakkan papan tanda di lokasi yang betul. Papan tanda mengelirukan pemandu kerana sebenarnya tiada lencongan di kawasan tersebut.

Papan tanda ditiru bulat-bulat dari Arahan Teknik. Kenapa tidak diisi maklumat dalam petak?

MARRIS *on-line*

oleh Fazleen Hanim Ahmad Kamar

MESYUARAT MARRIS ON-LINE ZON SELATAN DI JOHOR BAHRU PADA 24 HINGGA 26 MAC 2008

PADA 24 - 26hb Mac 2008, Cawangan Senggara Fasiliti Jalan telah menganjurkan "Mesyuarat Pengendalian Sistem MARRIS Secara On-Line" bertempat di Hotel Mutiara, Johor Bahru.

Mesyuarat ini adalah yang julung-julung kali diadakan dan JKR Negeri Johor merupakan tuan rumah pada kali ini. Perasmian telah disempurnakan oleh Ir. Shafii bin Mohamad mewakili Pengarah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan. Seramai 154 orang peserta telah hadir mewakili pelbagai kementerian dan agensi kerajaan antaranya Kementerian Kewangan, Kewangan Negeri, JKR Negeri, Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Pihak Berkuasa Tempatan serta Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah.

Tujuan mesyuarat ini diadakan ialah untuk memberi penerangan dan latihan secara *hands-on* kepada peserta-peserta bagi mendaftar dan mengemaskini data-data jalanraya secara *on-line* dengan menggunakan sistem MARRIS *on-line*. Latihan ini telah dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Kewangan.

Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (Malaysia Road Record Information System – MARRIS) ini digunakan bagi tujuan merekodkan data-data jalanraya di seluruh negeri merangkumi Jalan Negeri, Jalan Perbandaran, Jalan Kawasan Perumahan Murah, Lorong Belakang, Jalan Sehala Pulau Pelancongan, Jalan Kampung dan Jalan Pertanian.

Sebelum sistem MARRIS *on-line* ini dibangunkan, semua data-data jalan didaftarkan secara manual. Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Kewangan telah mengambil inisiatif dengan membangunkan satu sistem *on-line* sebagai penambahbaikan kepada sistem yang sedia ada. Dengan pengenalan sistem baru ini, ia dapat mempercepatkan proses pendaftaran data-data jalan di mana pengguna dapat membuat semakan status secara *on-line*. Ini juga dapat meminimakan kesilapan pengguna-pengguna semasa mengisi borang-borang MARRIS.

Beberapa sesi mesyuarat sepertimana yang telah diadakan di Johor Bahru lepas telah dirancang bagi seluruh negara. Jadual penuh adalah seperti berikut;

TARIKH	ZON	TEMPAT
24 – 26 Mac 2008	**Selatan** (Johor, Melaka & Negeri Sembilan)	Johor Bahru
7 – 8 April 2008	**Tengah** (Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Perbadanan Putrajaya & DBKL)	Shah Alam
21 – 23 April 2008	**Timur** (Kelantan, Terengganu & Pahang)	Kota Bharu
19 – 21 Mei 2008	**Utara** (Kedah, Pulau Pinang, Perak, Perlis)	Perlis
2 – 4 Jun 2008	Sabah & WP Labuan	Kota Kinabalu
23 – 25 Jun 2008	Sarawak	Miri

Surface Regularity

Undulation on road surfacing

By Ir. Mohd Hizam Harun

Table 4.14 in JKR/SPJ/1988 allows surface irregularities to be measured using rolling straight-edge over a traverse length of 75 metres and 300 metres. It is therefore imperative to request the contractor to carry out the measurement over the specified lengths as soon as the construction of any part of the carriageway is completed before allowing further paving works to proceed. This will enable any discrepancies, in case the maximum permissible number of surface irregularities is exceeded, to be identified and rectified at an early stage.

However, where the measurements were actually done albeit very limited cases, it was carried out when the carriageway was almost or fully completed but in most cases, the contractor did not bother to carry out the measurements at all and was let off the hook by the ignorant supervisory personnel.

If any section of the carriageway which did not comply with the tolerances for surface irregularities as stipulated in JKR/SPJ had not been accepted, and the contractor had been duly instructed to identify the causes of and rectify the defects until it was satisfactory to the S.O., then undulating surfaces would no longer be a common sight.

Readings should be recorded whenever the dial gauge on the rolling straight-edge registers rise or fall equals to or greater than 4 mm but less than 7 mm, and equals to or greater than 7 mm but less than or equals to 10 mm, and greater than 10 mm as the straight-edge device is being pushed along the road.

Sub-Section 4.5.3.2 in JKR/SPJ/2008-S4 states that the regularity of the completed pavement surface shall be measured before traffic is allowed on it and is measured in terms of its lane International Roughness Index (IRI). The Contractor shall make available lane IRI values for the whole road length as well as for each 100 metre section of the completed pavement surface. The lane IRI measured for the whole road length and each 100 metre section shall be less than 2.0 m/km. In case of non-compliance, the Contractor shall carry out rectification works on any part of the completed pavement surface so that the lane IRI values for the whole road length and for each 100 metre section are less than 2.0 m/km.

Class of Surface Regularity	Longitudinal Direction				Transverse Direction
	Maximum Permissible Number of Surface Irregularities				Maximum Permissible Depth Of Transverse Irregularities
	Depth Exceeding 4 mm		Depth Exceeding 7 mm		
	over traverse length of 300 m	over traverse length of 75 m	over traverse length of 300 m	over traverse length of 75 m	
Class SR1	20	9	2	1	4 mm
Class SR2	40	18	4	2	8 mm
Class SR3	60	27	6	3	12 mm
No longitudinal irregularity exceeding 10 mm shall be permitted for Class SR1 Surface Regularity and no longitudinal irregularity exceeding 15 mm shall be permitted for Class SR2 and Class SR3 Surface Regularities.					
The class of Surface Regularity for each portion of the Works shall be as stated on the Drawings or in the Bills of Quantities					

Table 4.14 in JKR/SPJ/1988: Tolerances for surface irregularities.

Rolling straight-edge

Bad road surfacing

Good road surfacing

Sistem Pengurusan Bencana Jabatan Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia

JKR

Pendahuluan

Sebagai agensi teknikal utama di Malaysia, JABATAN KERJA RAYA (JKR) memainkan peranan yang amat besar dalam setiap kejadian bencana yang berlaku. Pengalaman yang telah dilalui dalam hampir setiap kejadian bencana di Malaysia seperti banjir, tsunami, tanah runtuh, runtuhan bangunan, kegagalan struktur dan sebagainya telah memperkasakan JKR agar sentiasa bersiap sedia dengan sistem pengurusan bencana yang bersepadu dan terkini bagi menghadapi bencana pada masa akan datang.

Antara kemungkinan bencana yang boleh berlaku dan memerlukan penglibatan JKR adalah seperti banjir, ribut, kemarau, hakisan pantai, tanah runtuh, bencana industri, kemalangan, keruntuhan bangunan / struktur, kebakaran bangunan / struktur kompleks, kemalangan nuklear / radiologi, kejadian pelepasan gas beracun dan kejadian pengeboman.

Dalam sesuatu operasi pengurusan dan bantuan ketika berlaku bencana, JKR berperanan sebagai agensi bantuan dan pemulihan seperti :

- ✓ Memberi sokongan dari segi keperluan loji-loji, kenderaan, kakitangan untuk kerja-kerja mengemas tempat bencana dan pengangkutan.
- ✓ Menyediakan tempat berlindung sementara seperti kanopi atau khemah.
- ✓ Membekalkan air dan menaikkan tekanan air di kawasan yang memerlukannya (tindakan pihak berkuasa bekalan air).
- ✓ Menyediakan perkhidmatan teknikal dan pakar dalam bidang kejuruteraan forensik (pakar), geoteknik, struktur dan lain-lain seperti dalam kes tanah runtuh dan kegagalan struktur.
- ✓ Menyediakan kerja-kerja baikpulih seperti cerun runtuh dan sebagainya.
- ✓ Menyediakan Senarai Data Kelengkapan dan Senarai Kakitangan dalam masa bencana.

Pelan Tindakan Operasi Bencana

Aliran Perhubungan Ketika Kejadian Bencana



Tindakan Kecemasan Oleh JKR

- ✓ Tanah runtuh dan banjir
- ✓ Kegagalan tambakan dan jalan tenggelam
- ✓ Kerosakan / Runtuhan jambatan
- ✓ Kerosakan pembetung dan struktur saliran
- ✓ Tumpahan bahan kimia berbahaya
- ✓ Halangan jalan raya dan pokok tumbang

Prosedur Tindakan Kecemasan JKR

Pembangunan Sistem Sokongan

Sistem Pemantauan Banjir Berkamera (E-Banjir)

E-Banjir merupakan satu sistem pemantauan banjir berkamera yang dipasang di beberapa lokasi. Melalui sistem ini keadaan banjir dapat dipantau sepanjang masa melalui laman web.

Sistem Pengurusan Cerun dan Pengesanan Risiko

JKR telah membangunkan sistem Slope Management and Risk Tracking (SMART) yang merupakan program pengurusan cerun untuk mengenalpasti risiko dan kestabilan cerun di sepanjang jalan bagi tujuan penyenggaraan berterusan dan mengatasi berlakunya bencana di luar jangkaan.

Talian Aduan JKR

Bagi meningkatkan sistem penyampaian maklumat kejadian bencana, JKR memperkenalkan tiga kaedah aduan terpantas iaitu melalui sistem khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mel dan talian hotline.

Laman Web Bencana Alam JKR

Perkembangan kejadian bencana terkini dapat diketahui oleh pengguna melalui laman web Bencana Alam JKR di alamat www.jkr.gov.my/bencanaalam.

Stok Jambatan Panel Keluli Bermodular

Jambatan panel keluli bermodular merupakan aset penting JKR sebagai persediaan menghadapi bencana. JKR mempunyai tiga set jambatan mudah alih yang dikendalikan oleh empat pasukan terlatih mengikut zon.

Sistem Pengurusan Jambatan JKR (JKR-BMS)

JKR Bridge Management System (JKR BMS) merupakan sistem yang membantu pemilihan keutamaan program menaiktaraf, baikpulih atau penyenggaraan jambatan, jejambat dan jejantas.

Pemulihan

Melaksanakan kawalan trafik di lokasi bencana


Menyediakan laluan alternatif


Melaksanakan pemulihan menyeluruh

Talian Aduan & Kecemasan

- ✓ *SMS*
  Taip JKR <aduan> hantar ke 32728
- ✓ *Hotline*
  1-800-88-5004
- ✓ *E-mel Aduan Kerosakan Jalan*
  aduan@jkr.gov.my
- ✓ *E-mel Bencana*
  bencana@jkr.gov.my
- ✓ *Bilik Gerakan Bencana JKR*
  Tel : 03-2696 7727
  Faks : 03-2694 7550
- ✓ *Laman Web Bencana JKR*
  www.jkr.gov.my/bencanaalam
- ✓ *Cawangan Senggara Fasiliti Jalan*
  Tel : 03-2696 7725
  Faks : 03-2694 7550
- ✓ *Syarikat Konsesi*

Belati Wangsa (M) S/B (Zon Utara)
Tel : 05-2552211 Faks : 05-2418111

Roadcare (M) S/B (Zon Tengah / Timur)
Tel : 03-92852257 Faks : 03-92854270

Selia Selenggara Selatan S/B (Zon Selatan)
Tel : 06-2318140 Faks : 06-2318246

Jabatan Kerja Raya Malaysia
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Tingkat 2, Blok D, Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur
Tel : 03-2696 7725 Faks : 03-2694 7550
Web : www.jkr.gov.my

Mix bitumen with crumb rubber, what do we get?

Harun @ Kuzlawati Razali

Abstract

